

D957

U B827 DEB
MAHATHIR - SIKAP

IPOH, 14 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA MAMPU MEMBINA KAPAL SELAM DAN KAPAL TERBANG JIKA IA MAHU BERBUAT DEMIKIAN PADA MASA INI.

HALANGAN KEPADA PERLAKSANAAN PROJEK ITU HANYALAH KERANA KOS PEMBINAAN YANG TINGGI DAN PENGELUARAN TERHAD YANG MENYEBABKAN IA TIDAK EKONOMIK UNTUK DIJALANKAN SEKARANG, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS JAMUAN AMAL UMNO BAHAGIAN GOPENG DI SINI MALAM INI.

PERDANA MENTERI MEMBIDAS SIKAP SEBILANGAN CERDIK PANDAI YANG HANYA KETAWA SAHAJA APABILA KERAJAAN MENYEBUT IA AKAN MEMBUAT KAPAL SELAM.

+BAGI MEREKA, KEUPAYAAN KITA MEMBINA KAPAL SALAM ATAU KAPAL TERBANG ITU SEOLAH-OLAH SATU PERKARA MUSTAHIL. INI ADALAH SATU SIKAP BURUK YANG MENIDAK DAN MERENDAH-RENDahkan KEMAMPUAN DIRI SENDIRI,+ TEGANYA.

BELIAU MAHUKAN SELURUH MASYARAKAT MENGENEPIKAN PERASAAN RENDAH DIRI DAN TIDAK PERCAYAKEPADA KEMAMPUAN DIRI, DENGAN MENYANGKA HANYA ORANG ASING SAHAJA YANG BOLEH MEMBUAT SESUATU PROJEK YANG BESAR. -- LAGI

0001MST 15 03 86

D960

U B828 DEB
MAHATHIR - SIKAP 2 IPOH

PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT USAHA MEMBUAT KERETA NASIONAL, PROTON SAGA, YANG TURUT DIPERKECIL-KECILKAN PADA MASA LEPAS TETAPI TELAH DISANJUNG SEKARANG KERANA IA SETANDING DENGAN KERETA-KERETA BUATAN NEGARA LAIN.

BELIAU MENGGARISKAN BAHAWA DISIPLIN, KETEKUNAN, KERAJINAN DAN USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH ADALAH TANGGA KEPADA KEJAYAAN WALAUPUN IA TERPAKSA MENEMUI PELBAGAI RINTANGAN DAN MASALAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEKANKAN PENTINGNYA SELURUH RAKYAT BERSIKAP SEDERHANA DAN BERTOLERANSI BAGI MENJAMIN KESTABILAN NEGARA YANG BERTERUSAN.

KESEDERHANAANLAH YANG MENENTUKAN KEHIDUPAN DI NEGARA INI YANG MEMPUNYAI MASYARAKAT PELBAGAI KAUM TERUS STABIL SERTA MEMBOLEHKAN RAKYAT MENGECAPI PEMBANGUNAN, TAMBAHNYA.

BELIAU MENEGUR SIKAP SEBILANGAN MASYARAKAT YANG LEKA DAN LUPA BAHAWA MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA BERTUAH KERANA MEMPUNYAI PELBAGAI NIKMAT DAN SUMBER YANG TIDAK DIRASAI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN. -- LAGI

0007MST 15 03 86

D962

U B829 DEB
MAHATHIR - SIKAP 3 IPOH

MENYEDARI BAHAWA NEGARA INI BEBAS DARIPADA SEBARANG ANCAMAN, MAKA, RAKYAT PERLU BERSYUKUR DAN BERTERIMA KASIH, KATANYA.

HADIR SAMA PADA MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI DAN MENTERI BESAR DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB.

UMNO BAHAGIAN GOPENG BARU DITUBUHKAN EKORAN PERSEMPADANAN SEMULA KAWASAN PILIHAN RAYA. -- BERNAMA

0009MST 15 03 86